

DIALOG KEHIDUPAN DAN PENJANAAN MODAL INSAN MALAYSIA-INDONESIA

Suraya Sintang
Khadijah binti Mohd Khambali @Hambali
Nor Adina binti Abdul
Jabatan Sejarah & Tamadun Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

Abstract

Malaysia-Indonesia share common characteristic in diverse society. However, both are differ in term of ruling system whereby Malaysian constitution recognise Islam as a Federal religion and simultaneously practice religious freedom for non-Muslim. Conversely, the Republic of Indonesia practice religious freedom without any recognition of certain religion. The difference in religious ruling system do not bring them apart to enjoy harmony in diversity. This proof to be the fact in daily life interaction of people from different religious background. This kind of amicable interaction is simply known as Dialogue of life. The study shows that the dialogue of life is a mechanism for building competent human capital to live harmoniously with the others. This article aims to discuss various initiatives conducted by Muslims in Malaysia and Indonesia in the activities of dialogue of life at the grassroots level. The participants of the Muslims not only come from the NGOs, but also from the individual experience both in formal and informal interaction. The study proves that the daily life interaction or dialogue of life capable in generating open-minded and accomodative human capital to share living together with people in any different situations.

1. Pengenalan

Dialog kehidupan merupakan satu bentuk dialog yang terbuka yang memaparkan interaksi seharian antara pihak berbeza agama. Eck (1986) mengkategorikan dialog kehidupan sebagai salah satu jenis dialog selain daripada dialog parlimen, dialog institusi, dialog teologi, dialog spiritual dan dialog dalaman. Ugwoji (2008) menukilkan pandangan Cardinal Arinze, mantan Presiden *Pontifical Council for Interreligious Dialogue* (PCID) (1965-1984), menjelaskan dialog kehidupan adalah satu komponen dialog antara agama yang melibatkan semua pihak dan interaksi yang berlangsung antara pihak berbeza agama. Fenomena dialog kehidupan ini dapat dilihat dalam senario kehidupan seharian masyarakat pelbagai agama di Malaysia-Indonesia dan keupayaan dialog ini sebagai penjana pembangunan modal insan sehingga membentuk masyarakat plural yang bersedia untuk saling berkongsi hidup bersama secara harmoni.

Kedua-dua negara Malaysia-Indonesia mempunyai ciri persamaan dari segi masyarakat beraneka agama dan mempunyai konsentrasi penganut Islam yang tinggi di rantau Asia Tenggara. Indonesia dikenali sebagai negara yang mempunyai penduduk Muslim terbesar iaitu, 86 peratus daripada 230 juta rakyatnya beragama Islam (Achmad 2008) dan 10 peratus penganut Kristian (Arifianto 2009). Bagi negara Malaysia, banci penduduk tahun 2000 menunjukkan 55 peratus daripada 26 juta penduduknya adalah beragama Islam dan 44 peratus lagi dari kalangan penganut Buddha, Hindu dan Kristian (Sundaraj 2007). Namun begitu, perbezaan antara kedua-dua negara ini dapat dilihat dari sudut sistem pentadbiran apabila Perlembagaan Malaysia mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi tanpa menafikan kebebasan beragama kepada masyarakat non-Muslim. Sebaliknya, Indonesia mempraktikkan kebebasan beragama dengan membenarkan semua agama bebas dianuti dan diamalkan oleh penduduknya tanpa meletakkan sebarang pengiktirafan secara rasmi kepada satu agama tertentu.

Penulisan ini tidak bermaksud untuk membuat perbandingan mengenai kebebasan beragama antara kedua-dua negara. Sebaliknya, memfokuskan inisiatif Muslim di Malaysia dan Indonesia dan sumbangan mereka dalam aktiviti dialog kehidupan yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat. Bagi memahami fenomena ini, kajian ini menelusuri beberapa pengalaman dialog kehidupan yang diadakan oleh agen penggerak dialog sama ada dari kalangan *NGO* mahupun pengalaman orang perseorangan dalam pelbagai saluran formal mahupun informal. Fenomena dialog kehidupan ini tidak hanya memaparkan

pengalaman interaksi seharian, malah menawarkan satu pendekatan yang berupaya menjana modal insan yang bersifat terbuka dan mudah mengakomodasikan diri dengan latar persekitaran yang berbeza sehingga membentuk keharmonian hidup bersama melangkaui perbezaan agama.

2. Idealisme Dialog

Dialog mempunyai pengertian yang luas dan berbeza mengikut sesuatu wacana. Dialog menurut Leonard Swidler (2003) bermaksud perbincangan mengenai sesuatu perkara antara dua orang atau lebih yang berbeza pandangan dengan tujuan utama setiap pihak dapat mempelajari daripada pihak lain agar mereka boleh berubah dan berkembang maju. Menurut Mohd Farid (2008):

Takrifan ini mengetengahkan beberapa ciri penting serta andaian awal yang terdapat pada dialog. Pertama, dialog bertitik tolak dari perbezaan pandangan. Kedua, ia bukan sahaja memerlukan persefahaman di antara pihak yang terbabit akan tetapi juga menuntut perubahan dari segi pendirian dan kadangkala, kepercayaan. Ketiga, dialog juga, dalam banyak keadaan, merupakan tindak balas (*reaction*) kepada masalah dan kemelut yang timbul, atau bersifat pragmatik.

Sekalipun dialog hanya sebuah komunikasi dua hala, Azizan (2008) menjelaskan dialog tidak mudah dilaksanakan. Ini kerana dalam banyak situasi yang merupakan suatu dialog, dialog sebenarnya tidak berlaku kerana ada pihak yang menganggap dirinya sudah mempunyai penyelesaian mahupun kebenaran mutlak mengenai perkara yang ingin didialogkan dan apa yang dia inginkan daripada rakan dialognya hanyalah penerimaan semata-mata. Abu Nimer (2007) pula menjelaskan sesetengah pihak menganggap “dialog adalah satu urusan yang merbahaya” dan pernyataan ini beliau jelaskan:

Once opponents meet in a genuine dialogue setting, they will never return to the same positions or level of awareness that they had before. It is as if they have joined a new society. Their views and perceptions of the conflict and the enemy change, mostly because of the powerful turning point in the dialogue process when participants realize, acknowledge and understand their mutual fears and concerns.

Pernyataan ini menjelaskan dialog berupaya mempengaruhi seseorang dan membawa suatu perubahan. Abu Nimer (2007) turut

menjelaskan kemampuan dialog membina jambatan antara dua pihak telah mewujudkan satu kuasa penghubung antara pihak yang berbeza. Perkara inilah yang membezakan antara pihak yang terlibat dalam arena pendialog dengan bukan pendialog. Dialog juga menyediakan laluan atau jalan tambahan yang dipenuhi dengan nilai positif dan gabungan usaha yang konstruktif berasaskan sikap saling percaya untuk mencapai suatu perubahan.

Hal ini menjelaskan dialog tidak semata-mata satu wacana yang melibatkan perbincangan bagi meleraikan sesuatu konflik yang dihadapi. Sebaliknya, dialog berupaya mengubah persepsi dan mentransformasikan pendirian seseorang. Keyakinan terhadap kemampuan dialog diperjelaskan lebih lanjut oleh Swidler (2003) melalui konsep "*Deep-Dialogue*". Swidler menyatakan hasil dialog tidak hanya mewujudkan pertemuan yang berlangsung dalam suasana saling menghormati, tetapi juga satu landasan bagi menjernihkan salah faham dan menghargai nilai yang dimiliki pihak lain sehingga menimbulkan sikap 'kesalingan' dan kesedaran terhadap kesatuan kabilah manusia (*a tribal unity of human*) untuk berkongsi hidup bersama. Perkongsian hidup bersama secara harmoni sememangnya diperlukan dalam masyarakat yang dicirikan dengan kepelbagaian budaya dan agama, serta menuntut kemahiran berdialog dalam pelbagai aspek kehidupan seharian bagi memungkinkan rasa penghargaan sesama manusia dapat disebatikan dalam diri masing-masing. Betapa pentingnya pengaruh dialog dalam kehidupan masyarakat pelbagai agama ditegaskan oleh Forward (2001: 88):

Real dialogue is about them and us becoming we – we asking together: what does Transcendence want of her human children? The answers will be varied, but such a dialogue is essential for mutual respect and learning, the survival of this planet and, the enrichment of the heart and mind and soul. Because religions have so often marginalized the other, who is seen as different and inferior, dialogue becomes a way of seeing them as human and faithful. Dialogue can therefore lead to the mending of difficult, even utterly broken, relationships.

Kemampuan dialog membaik pulih hubungan yang retak akibat daripada persengketaan antara agama dapat dilihat dalam perkembangan hubungan Kristian-Yahudi pada zaman moden. Malah, Martin Forward turut memperkenalkan istilah "*Dialogue in the slums*" bagi menjelaskan kemampuan dialog memulihkan hubungan antara Hindu-Muslim. Misalnya, perobohan masjid Ayodhya pada Oktober 1992 oleh penganut Hindu yang menyakini kawasan tapak masjid tersebut merupakan tempat kelahiran *Lord Rama* sehingga menimbulkan ketegangan antara Hindu-

Muslim di kebanyakan kawasan di India. Sebuah pertubuhan *Aman-Shanti Forum*¹ yang dikendalikan oleh *Henry Martyn Institute (HMI)* mengadakan pertemuan dan mesyuarat bagi meleraikan perbalahan antara Hindu-Muslim. Pertubuhan ini turut menyediakan pusat latihan kemahiran pentafsiran agama bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran bahawa agama menekankan perdamaian.

Goddard (2008) menyifatkan dialog sebagai satu konsep mempunyai pengertian yang luas kerana konsep ini menyerupai konsep jihad dan pluralisme² yang boleh didefinisikan mengikut konteks dan wacana yang mengikutinya. Perkara ini diperjelaskan lebih lanjut oleh Ataullah Siddiqui (1997: 56), "*Definitions of dialogue vary from person to person, depending upon the areas from where they come and the nature of the encounter they are facing*". Atas dasar itu, Volker Kuester (2004) menjelaskan lanskap dialog berbeza mengikut konteks masyarakat dan isu yang dihadapi bersama. Miriam Therese Winter (2008) pula menjelaskan dialog berlaku dalam pelbagai keadaan; secara spontan, perbualan yang berterus terang dan perdebatan. Keadaan ini memberi ruang dan peluang untuk memahami pandangan sejagat pihak lain dan memahami kepelbagaian yang sememangnya menjadi ragam kehidupan.

Bagi Berghout (2008), dialog melibatkan proses dan aktiviti yang dijalankan oleh individu, institusi dan organisasi tertentu yang mewakili peradaban, agama dan budaya masing-masing untuk membina platform interaksi dan landasan persefahaman demi kesejahteraan sejagat. Ringkasnya, Berghout merumuskan hanya melalui dialog seseorang itu dapat mengetahui faktor perpecahan hubungan antara manusia dan hanya melalui dialog terbuka dan ikhlas seseorang itu mengetahui kesilapan sesuatu tindakan. Malah, hanya melalui dialog yang adil dan bertanggungjawab, permasalahan manusia boleh ditangani dengan lebih berkesan.

Perbincangan awal menjelaskan budaya dialog sekiranya diamal dan disuburkan secara berterusan akan memungkinkan anggota masyarakat itu bersedia untuk bersikap saling hormat menghormati, belajar untuk berkongsi bersama dan memupuk hubungan yang saksama untuk menerima kehadiran pihak lain. Dialog juga merupakan satu konsep yang turut melahirkan beberapa pengistilahan lain seperti dialog antara agama, dialog antara budaya, yang kesemuanya boleh dirangkumkan di bawah konsep yang sama iaitu, dialog peradaban atau dialog ketamadunan. Dialog turut membentuk pelbagai jenis dialog yang tidak hanya melibatkan dialog secara berstruktur tetapi juga dialog seharian ataupun lazim dikenali sebagai dialog kehidupan. Pendek kata, konsep dialog adalah suatu konsep yang luas dan apa pun istilah dialog

yang digunakan, matlamat yang ingin dicapai ialah keharmonian dan kesejahteraan sejagat.

3. Konsep Dialog Kehidupan

Dialog kehidupan adalah salah satu jenis dialog antara agama yang melibatkan semua pihak (atau sesiapa sahaja) yang tinggal bersama dan interaksi seharian antara pihak berbeza agama. Ia adalah satu bentuk hubungan antara agama yang berlaku pada peringkat hubungan yang lazim dihadapi dalam kehidupan seharian mengikut ruang lingkup interaksi bersama keluarga, sekolah, hubungan sosial, tempat kerja dan sebagainya. Nilai yang diketengahkan ialah bersikap terbuka dalam menjalani aktiviti bersama dan berkongsi harapan, kesedihan dan prihatin antara satu sama lain (Ugwoji 2008). Dalam situasi ini, penglibatan dan perbincangan tidak terikat dengan isu agama tetapi identiti mereka dikenali melalui nilai dan tradisi agama yang menjadi amalan dan pegangan masing-masing. Ugwoji (2008) menjelaskan:

“dialogue on this level is a way of breaking down cultural biases and prejudices. It is a way of getting to know people of other faiths on a human level. This form of engagement will lead to next identities as dialogue of collaboration where adherents of various religions cooperate for the promotion and human development and liberation in all its forms. This form of dialogue is exemplified in social concerns inspired by religious motives, such as in the study and execution of development of projects and in initiatives to foster justice and peace. This reasoning will constitute good grounds for peaceful coexistence.”

Pernyataan ini menjelaskan dialog kehidupan adalah satu mekanisme bagi memecahkan sikap prejudis dan bias budaya. Ia adalah satu landasan untuk mengenali pihak lain dalam hubungan sesama manusia. Titik awal perkenalan ini mendorong kerjasama antara agama bagi membina pembangunan sejajar dengan keperluan manusia dalam pelbagai aspek kehidupan. Keprihatinan sosial adalah salah satu contoh dialog kehidupan yang didorong daripada semangat keagamaan untuk sama-sama menegakkan keamanan dan keadilan yang akhirnya membentuk landasan positif ke arah keharmonian hidup bersama. Dengan kata lain, nilai hormat menghormati dan kasih sayang adalah kunci utama yang memupuk interaksi antara masyarakat yang tinggal bersama tanpa mengira perbezaan agama.

Shahrom (2005) pula menjelaskan dialog kehidupan ataupun juga dinamakan 'dialog keseharian', memaparkan masyarakat dari pelbagai agama hidup bersama dan bekerjasama, saling memperkaya kepercayaan di antara satu sama lain dengan menghayati agama masing-masing tanpa diskusi formal. Pengertian lain bagi menjelaskan konsep dialog kehidupan dikemukakan oleh Kuester (2004: 73):

The dialogue of life takes place in the concrete living-together of people with different religious backgrounds. Often, the borderlines of adherence to a religion go right through traditional large families or town communities. The people experience the rites and festivals of the various religions when they are with their family or neighbours, and sometimes take part themselves. Even in urban situations, such experiences are possible. This religious living-together does not necessarily demand detailed knowledge of the principles of the other religions in question. The dialogue of life is pre-conceptual. It aims at a good living together. This ethical basic motivation is evident, it can count on a broad concensus among people of good will in the various religions and has led to a long series of dialogue initiatives.

Takrifan di atas menjelaskan konsep dialog kehidupan adalah berasaskan; pertama, bermula daripada tinggal bersama, sama ada dalam konteks jiran tetangga mahupun dalam ruang lingkup keluarga yang berbilang agama. Kedua, dialog yang tidak memerlukan pengetahuan mendalam mengenai agama lain. Ketiga, matlamatnya ialah keharmonian hidup bersama. Keempat, kesepakatan (*concensus*) antara penganut pelbagai agama didorong atas keinginan (*good will*) dalam mewujudkan siri dialog yang berterusan. Definisi ini diperkukuhkan lagi melalui pernyataan Michael (<http://www.sjweb.info>):

“dialogue of life,” through which believers of different religions bear witness before each other in daily life to their own human and spiritual values, and help each other to live according to those values in order to build a more just and fraternal society.

Pernyataan ini menjelaskan dialog kehidupan bermula apabila pihak yang berbeza agama saling berinteraksi serta saling tolong menolong agar dapat hidup bersama mengikut nilai-nilai kemanusiaan dan spiritual demi membangun masyarakat yang adil. Pengertian lain bagi konsep dialog kehidupan dikemukakan oleh Hensman (1999: 323): *The*

dialogue of life, on the other hand, is of a different nature. It was always there. It was unearthed, recognized, acknowledged rather than constructed. It is about how people live: alongside each other, against each other. They rub shoulders. Sometimes concertively, sometimes abrasively. The dialogue of life can be messy. It does not easily fit into agendas. It simply happens. In Hadtang and Phutakrit (Thailand), it happens.

Pernyataan di atas menjelaskan dialog kehidupan adalah satu gambaran kepada kehidupan masyarakat yang tinggal bersama dalam keadaan saling memerlukan dan kadang kala saling bertentangan. Dialog ini menggambarkan kehidupan antara pihak berbeza agama yang berinteraksi tanpa dirancang dan tidak mengikut agenda tertentu. Ahmad (2003) pula menjelaskan bahawa dialog kehidupan ini berlaku apabila ahli sesebuah masyarakat berusaha untuk hidup di luar batasan kelompok mereka. Mereka hidup secara terbuka dan berjiran, bersama-sama berkongsi sedih dan duka dalam masalah kemanusiaan tanpa dibatasi ruang lingkup agama. Ahli masyarakat hidup sebelah menyebelah, dalam satu kawasan perumahan atau kampung sama-sama bergotong royong dan membantu antara satu sama lain di dalam perkara-perkara yang tidak melibatkan keagamaan. Dalam hal ini dialog memerlukan unsur pertemuan antara satu sama lain.

Dialog kehidupan ataupun ‘dialog seharian’ tidak seperti dialog wacana yang mempunyai metode yang berstruktur mengikut format, agenda, kaedah dan peserta tertentu yang sememangnya pakar dalam bidang agama. Patel drk. (2008) menjelaskan metode dialog kehidupan lebih memfokuskan dialog yang melibatkan pengalaman hidup yang menceritakan ‘kisah hidup beragama’ (*a story of religious narrative*) dan memaparkan nilai-nilai yang dikongsi bersama antara pihak berbeza agama.

Namun begitu, dialog kehidupan yang berlangsung melalui interaksi informal dan dialog antara agama yang bersifat berstruktur mempunyai persamaan bagi mencari titik persefahaman, merapatkan jurang interaksi, memupuk sikap toleransi dan meningkatkan nilai hormat menghormati atas perbezaan yang wujud. Hensman (<http://eapi.admu.edu.ph>) menjelaskan kedua-dua dialog ini pada asasnya menekankan persamaan jawapan kepada persoalan pokok, “bagaimana untuk hidup bersama?” Perundingan dalam dialog secara formal menjawab persoalan tersebut melalui usaha membina jambatan antara agama. Sebaliknya, dialog kehidupan memberi jawapan yang sedia

ada yang memaparkan tradisi agama yang berbeza dalam kehidupan seharian.

4. Model dan Metode Dialog Kehidupan

Kajian awal menunjukkan model dialog kehidupan dibina melalui penelitian terhadap interaksi antara kumpulan penganut yang berbeza agama dalam sesebuah komuniti. Misalnya, Hensman (1999) memfokuskan interaksi antara penduduk Buddha dan Kristian dari dua buah kampung di Thailand yang tinggal bersama dalam keadaan aman dan harmoni walaupun berbeza sistem kepercayaan. Hermansen (2004) pula memfokuskan peranan pelajar Muslim yang menonjolkan identiti sebenar Islam kepada rakan agama lain melalui kaedah berdialog secara non-verbal dengan mengadakan aktiviti yang bersifat *'performing mode'*. Konsep *'performing mode'* ini menggabungalinkan hubungan antara perkataan, tindakan dan konteks sebagai landasan 'dialog kehidupan' yang memaparkan peranan belia Muslim mempraktikkan Islam dalam kehidupan seharian mereka di kampus. Antaranya ialah melibatkan diri bersama rakan agama lain dalam *'shared activist issues'* seperti gerakan anti-peperangan, menghidupkan program minggu kesedaran Islam dan mengadakan *iftar* bersama rakan agama lain.

Model dialog kehidupan diketengahkan bagi menjelaskan penglibatan masyarakat awam daripada pelbagai lapisan masyarakat dalam kalangan non-elit (bukan pakar agama) dalam arena dialog antara agama di peringkat akar umbi. Model ini menjelaskan saluran, metode, peserta dan isu perbincangan yang berbeza daripada dialog antara agama yang lazim diadakan dalam bentuk forum dan perbincangan meja bulat. Kajian Patel drk. (2008), misalnya, memaparkan penglibatan golongan belia dari tiga agama samawi iaitu, Yahudi, Islam dan Kristian sebagai peserta dialog dalam program *Interfaith Youth Core* (IFYC). Metode yang digunakan ialah *'storytelling'*, iaitu penceritaan yang mengandungi naratif tentang pengenalan identiti diri, sejarah hidup dan pentafsiran semula kisah dan pengalaman hidup beragama. Kaedah *storytelling* ini menggalakkan para peserta dialog mengenalpasti dan mengecam pelbagai bentuk nilai yang dikongsi bersama melalui pengalaman peribadi mereka. Metode *storytelling* ini menjelaskan penceritaan mengenai pengalaman belia dalam menjalani kehidupan beragama seperti ketaatan terhadap peraturan makanan dan sambutan perayaan. Pengalaman ini dikongsi bersama sebagai satu keunikan yang terdapat dalam pelbagai agama. Peri pentingnya metode ini kerana ia memperkasa belia menjadi guru dan pemimpin masyarakat yang bukan sahaja bertujuan mempromosi nilai

yang mereka kongsi bersama daripada pengalaman pergaulan, tetapi penceritaan tersebut turut memperkayakan maklumat kepada pihak lain. Patel drk. (2008) menyifatkan peserta dialog dari kalangan belia ini sebagai '*scholars of their own experience*', kerana proses dialog yang mereka lalui adalah berdasarkan pengalaman hidup mereka sendiri. Metode '*storytelling*' berbeza daripada metode dialog yang sedia digunapakai dalam arena dialog teologi yang berlangsung melalui perbincangan meja bulat antara pakar-pakar agama seperti priest, minister, rabbi, imam dan swami dalam membincangkan persamaan dan perbezaan agama. Metode ini juga berbeza daripada dialog politik yang mempertemukan wakil-wakil Yahudi dan Muslim dalam membincangkan isu Israel-Palestin dan wakil Buddha dan Hindu dalam isu Sri Lanka. Model dan metode dialog kehidupan yang dipaparkan di atas hanyalah sebahagian daripada model yang melibatkan peserta non-elit dalam membincangkan isu keagamaan atau fenomena beragama dalam hubungan seharian antara pihak berbeza agama. Model seumpama ini menjadi sandaran penting dalam melihat realiti aplikasi dialog kehidupan dalam kalangan masyarakat beraneka agama di Malaysia dan Indonesia.

5. Dialog Kehidupan di Malaysia

Usaha awal bagi mengetengahkan konsep dialog kehidupan di Malaysia telah mula dijalankan melalui penganjuran *Bengkel Dialog Antara Penganut Agama Mengenai Isu-Isu Semasa* yang dianjurkan bersama antara Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Pusat Dialog Peradaban (PDP) di Universiti Malaya pada Julai 2008. Bengkel ini menjelaskan definisi dialog kehidupan sebagai dialog yang diadakan antara penganut pelbagai agama yang prihatin dalam membincangkan isu-isu semasa dan mencari jalan penyelesaian dalam menangani cabaran dan masalah yang dihadapi bersama. Bengkel ini mempertemukan golongan elit dan *NGO* dari wakil-wakil agama yang diadakan dalam bentuk perbincangan meja bulat, bersemuka dan tertutup. Beberapa isu utama di Malaysia yang dikenalpasti sebagai bahan perbincangan dalam dialog kehidupan yang dihadapi bersama antara Muslim-non-Muslim ialah penggunaan perkataan 'Allah' oleh non-Muslim, isu konversi atau penukaran agama, murtad dan penceraian serta isu-isu sampingan seperti isu rumah ibadah, isu berkaitan sijil halal oleh peniaga non-Muslim, isu pengkebumian, pendakwahan, kefahaman agama dan adat resam oleh pendidik dan isu ternakan ladang khinzir (*Bengkel Dialog Antara Penganut Agama Mengenai Isu-Isu Semasa*, Julai 2008).

Situasi ini menjelaskan dialog sememangnya berlaku dalam kehidupan seharian masyarakat Malaysia mencakupi segala aspek dan kegiatan hidup bersama walaupun sesetengah isu dalam dialog kehidupan yang dibangkitkan adalah rentetan daripada perasaan tidak puas hati dan sikap kurang memahami konsep dan dasar utama ajaran agama lain. Justeru, dialog kehidupan adalah satu komponen dialog antara agama yang memaparkan interaksi seharian mengenai pelbagai aspek kehidupan yang dilalui masyarakat berbeza agama. Dialog kehidupan tidak hanya membincangkan subjek dialog yang mengkhusus kepada permasalahan keagamaan tetapi juga permasalahan semasa yang melibatkan isu kekeluargaan dan kemasyarakatan.

Atas dasar itu, memahami permasalahan dialog kehidupan yang melibatkan pengalaman tinggal bersama dan interaksi seharian antara pihak berbeza agama merupakan satu landasan bagi menetengahkan dialog sebagai satu mekanisme perpaduan. Ini kerana permasalahan semasa dan permasalahan dalaman yang dihadapi bersama antara pihak berbeza agama perlu didialog dan dibincangkan bagi meleraikan sebarang kekeliruan dan salah faham terhadap sesuatu agama agar tidak mengganggu gugat keharmonian.

Di samping itu, fenomena dialog kehidupan di Malaysia turut mencatatkan dialog dalam bentuk aktiviti kemasyarakatan. Berdasarkan kajian Muhammad Nur Manuty (1997), salah satu aktiviti kemasyarakatan yang diadakan melibatkan penyertaan golongan belia yang berbeza agama adalah program '*Spiritual Camp*'. Program seumpama ini dianjurkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) bersama *Malaysia Young Movement* (MYM), sebuah organisasi belia dari etnik Cina di Port Dickson, Negeri Sembilan pada tahun 1989. Aktiviti yang dijalankan merangkumi pendedahan kepada aspek budaya dan agama bagi kedua-dua agama Islam dan Buddha. Belia Muslim diberikan kefahaman tentang seni *Tai chi* yang merupakan sebahagian daripada latihan jasmani dan ritual agama Buddha. Pada masa yang sama, belia Buddha pula didedahkan dengan pelaksanaan solat secara individu dan berjemaah. Melalui pengalaman ini, para belia merasai sendiri aktiviti merentas budaya dan agama bagi meningkatkan proses integrasi nasional dan visi membentuk masyarakat bertamadun untuk saling faham memahami dan hormat menghormati.

Berdasarkan perbincangan di atas, *Bengkel Dialog* (2008) adalah sebahagian daripada metode dialog berstruktur dalam bentuk diskusi ilmiah yang dihadiri peserta golongan elit bagi membincangkan isu-isu dialog kehidupan mengenai permasalahan semasa hubungan antara umat beragama di Malaysia. Penganjuran diskusi ilmiah sebegini adalah

sebahagian daripada realiti dialog yang diaplikasikan secara meluas sama ada dalam konteks Malaysia mahupun peringkat antarabangsa. Selain daripada metode ini, dialog yang berlangsung dalam perkhemahan belia merupakan satu lagi metode dialog kehidupan yang melibatkan aktiviti kemasyarakatan bagi memberi pendedahan terhadap ajaran agama yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Kedua-dua metode dialog yang berlangsung dalam bengkel dan perkhemahan tersebut merupakan salah satu metode dialog kehidupan yang bersifat '*classroom experience*' dan memaparkan pengalaman dialog dalam suasana formal.

Sebaliknya, satu lagi metode dialog kehidupan yang berlangsung dalam bentuk di luar bilik darjah adalah dialog yang bersifat pengalaman informal yang melibatkan pengalaman tinggal bersama dan interaksi seharian antara pihak berbeza agama. Pengalaman ini lazimnya bermula melalui pergaulan seharian di kawasan kejiranan, sekolah, premis niaga, pusat rekreasi dan pengalaman tinggal bersama di asrama, tinggal dengan keluarga angkat dan tinggal serumah dengan saudara mara yang berbeza agama serta berkongsi aktiviti di tempat kerja yang sama. Pengalaman tinggal bersama antara pihak berbeza agama boleh ditelesuri melalui pengalaman dialog kehidupan saudara baru.

6. Dialog Kehidupan dalam Konteks Pengalaman Saudara baru

Pengalaman hidup yang dilalui oleh individu yang terlibat dalam isu-isu dialog kehidupan seperti mualaf (pemeluk Islam baharu) yang mengalami penukaran agama kepada Islam merupakan salah satu contoh dialog kehidupan yang berlangsung dalam bentuk di luar bilik darjah. Dialog kehidupan ini bukan sahaja memaparkan dialog inter-agama dalam interaksi seharian bersama ahli keluarga yang berbeza agama tetapi juga menceritakan pengalaman perkenalan dan pertemuan dengan Muslim sebagai salah satu faktor relational yang mendorong kepada konversi agama. Situasi ini dapat dilihat melalui pengalaman saudara baru di Sabah:

- i. Setelah tamat sekolah, mula mengenali Islam melalui pergaulan. ... Saya kenal mereka ketika satu kerja dengan mereka. Saya ikut-ikut kawan sambut Hari Raya. Di kampung saya, boleh dikira dengan jari berapa orang Islam. Saya ikut kawan yang tinggal di tempat lain. Mula mencari agama ketika bergaul dengan kawan. Sejak mengenali mereka, saya mula tahu tentang Islam sedikit demi sedikit. Kawan-kawan terangkan. Saya juga

selalu dengar azan di radio. Saya bertanya tentang puasa. Kawan jelaskan macam mana cara berpuasa.

(Sumber: Temubual pada 26 Julai 2008 di Rumah Kebajikan Teratak Fitrah, Likas, Kadsn/P-Ppang-Resp19)

- ii. Kenal Islam sejak kecil sebab sekolah tadika semua orang Islam, bila makan baca doa, pendedahan awal, tadika KEMAS. Belajar 'alif, ba, ta' dan jiran semua Islam. Masa itu tinggal di bandar – barrack polis.

Bila hari raya dipanggil pergi rumah sebelah. Apabila sekolah rendah – tidak mahu masuk kelas Pendidikan Moral, duduk luar kelas, time tiada cikgu, tengok orang, lepas itu ustaz tengok pelik kenapa budak ini berdiri di luar pintu. Lepas itu ustaz panggil, suruh duduk dalam, ikut kawan baca rukun iman.

Lepas itu berkawan dengan Islam, dia bagi buku, suruh baca dan saya bandingkan. Saya tanya dia pasal Islam. Lepas itu, dia cakap bacalah buku ini- banyak buku dia bagi.

(Sumber: Temubual pada 24 Mei 2008 di rumah responden Apartment Universiti, Iban/P-Twu-Resp47)

Kajian di atas memaparkan elemen persamaan daripada pengalaman saudara baru sebelum memeluk Islam (*pre-conversion experience*) walaupun mereka berasal dari latar persekitaran dan latar budaya berbeza. Persamaan yang begitu ketara ialah mereka pernah bertemu, berinteraksi, bergaul rapat dan tinggal bersama Muslim. Keadaan ini secara tidak langsung memperlihatkan dialog kehidupan dalam hubungan antara agama yang dipaparkan melalui pengalaman saudara baru dibina hasil daripada percampuran dan pergaulan rapat yang lazim berlaku dalam kehidupan seharian antara pihak berbeza agama. Pergaulan dengan Muslim semakin intim apabila saudara baru berpeluang tinggal bersama Muslim sama ada tinggal bersama sebagai rakan seasrama, rakan serumah, rakan sejiran, rakan sekampung mahupun tinggal bersama dengan keluarga angkat Muslim.

Selain itu, pengalaman saudara baru turut memaparkan cabaran dialog dalam kehidupan bersama antara pihak berbeza agama. Cabaran ini dapat dilihat melalui pengalaman saudara baru pada peringkat pasca-konversi seperti yang dipaparkan dalam kajian berikut:

Macam saya hari tu, mama menangis sebab saya yang diharap jaga emak bapa, jaga rumah ni. Mama cakap, “Kau satu-satunya yang diharap, jadi kalau kau dah masuk Islam siapa yang mau jaga mami. Saya cakap, saya ndak ke mana-mana, tanggungjawab tetap ada, mana saya mau tinggalkan emak bapa”. Tapi mama menangis terus. Saya pun ndak (tak) boleh terus bercakap saya kena buktikan. Setiap bulan saya akan balik, kirimkan duit setiap bulan. Mama satu minggu menangis, saya talipon buat kerja macam biasa.

Selepas memeluk Islam, saya tau apa tanggungjawab saya, jadi keharmonian saya lebih kuat di situ, iaitu tanggungjawab dengan keluarga walaupun berbeza agama. Saya ndak (tak) boleh hidup mengasingkan diri dari keluarga walaupun berlainan agama. Cuma anutan dan kepercayaan bagi saya yang membezakan kami. Tetapi tidak dari sudut kekeluargaan. Kami akan tetap bersama. Jadi itu yang penting.

Misalnya, kalau dulu azan diorang akan tutup dan cakap apa la bising saja. Tapi sekarang diorang buat biasa saja. Misalnya, kalau saya buka TV tengok tentang kisah tentang Islam, saya cerita balik la diorang akan dengar la.

(Sumber: Temubual pada 24 Mei 2008 di rumah responden Apartment Universiti, Iban/P-Twu-Resp47)

Kajian di atas menunjukkan cabaran hidup bersama dalam ruang lingkup keluarga berbeza agama. Kisah ini memaparkan penolakan keluarga asal non-Muslim terhadap keputusan saudara baru memeluk Islam sehingga menimbulkan hubungan tegang antara kedua-dua pihak. Namun, saudara baru cuba menangani permasalahan ini melalui berdialog secara berhikmah dengan menggunakan pendekatan dialog non-verbal seperti tidak menunjukkan perubahan drastik dalam rutin seharian demi menjaga hati dan perasaan keluarga. Demikian juga prinsip berdialog secara bijaksana melalui pendekatan dialog verbal cuba diterapkan agar persepsi dan tanggapan negatif terhadap Islam dapat diperbetulkan dan melihat Islam dengan penuh keindahan dan agama yang tidak memutuskan jalinan kekeluargaan.

Pengalaman saudara baru turut memaparkan dialog yang bersifat natural, spontan dan tidak hanya melibatkan pertemuan minda tetapi juga

pertemuan hati dan perasaan. Keadaan ini secara tidak langsung menonjolkan nilai keikhlasan dan keupayaan diri membentuk sikap toleransi tanpa dirancang ataupun paksaan. Ini kerana hubungan kekeluargaan menguji kemampuan pihak yang berbeza agama untuk menyesuaikan diri dengan latar budaya yang berbeza dan mengakomodasikan diri dengan latar persekitaran yang berbeza daripada daripada rutin seharian sebelum ini.

Hasil kajian turut menunjukkan peserta dialog kehidupan didedahkan dengan pengalaman berbincang dan berbual secara bersemuka dengan rakan dialog yang berbeza agama mengenai isu-isu yang tidak hanya tertumpu kepada aspek agama semata-mata tetapi juga isu sosial yang dihadapi bersama dalam kehidupan seharian. Impaknya begitu ketara apabila dialog kehidupan yang berlangsung melalui interaksi seharian menawarkan satu pendekatan yang berupaya menjernihkan salah faham dan memupuk sikap positif antara kedua-dua pihak yang berbeza agama.

7. Dialog Kehidupan di Indonesia

Penelitian mengenai dialog kehidupan di Indonesia sedikit berbeza daripada penelitian dialog kehidupan di Malaysia seperti yang dibincangkan sebelum ini. Berdasarkan kajian dokumentasi, beberapa program dialog yang diadakan atas inisiatif Muslim merupakan antara contoh yang menjadi bahan perbincangan dalam kajian ini. Kajian awal menunjukkan penganjuran dialog dari pihak Muslim tidak sebegitu menonjol berbanding dialog yang dianjurkan oleh pihak Kristian melalui organisasi *World Christian Church (WCC)* (Hofstede 2004). Inisiatif Muslim di Indonesia dalam menganjurkan program dialog antara agama yang melibatkan peserta dialog dari pelbagai lapisan masyarakat tanpa terikat dengan perbincangan mengenai isu-isu teologi telah bermula sejak tahun 1968.

Inisiatif Muslim untuk membangun ikatan hubungan harmoni antara agama dimulai oleh pemimpin agama di kawasan kampung di Jawa Tengah. Penganjuran dialog berlangsung dalam bentuk mesyuarat dan perbincangan antara pemimpin-pemimpin pelbagai agama. Misalnya, jemputan daripada Kyai Mansoor kepada paderi Katolik di Sukabumi untuk mengadakan mesyuarat mengenai hubungan antara agama di bandar tersebut pada 27 April 1968. Mesyuarat ini dihadiri hampir 25 pemimpin agama yang terdiri daripada Muslim, Buddha, Protestan dan Katolik. Kyai Mansoor menjelaskan bagaimana ajaran Islam

menggalakkan hubungan harmoni dengan penganut agama lain. Hasil dialog memberi kesan mendalam khususnya kepada golongan belia di sekitar Sukabumi untuk meningkatkan jalinan persefahaman antara agama. Boleh dikatakan ini adalah pertemuan pertama ataupun penganjuran pertama dialog antara agama daripada pihak Muslim di Indonesia sehingga ia mendapat liputan meluas daripada media massa seperti yang disiarkan dalam Berita Yudha 30 April 1968 dan siaran radio Indonesia. Pertemuan yang serupa turut diadakan di Jawa Barat antara tahun 1968-1972. Misalnya, pertemuan antara agama yang diadakan di Gegecik pada 26 Julai 1972 yang disokong oleh pemimpin kebanyakan sekolah-sekolah agama yang berpengaruh di bahagian timur Jawa Barat. Ini adalah gelombang pertama inisiatif Muslim dalam penganjuran dialog antara agama.

Gelombang kedua, aktiviti yang berlangsung antara tahun 1970-1974 apabila para ulama dari beberapa bahagian di Jawa membuat kunjungan berbudi (*courtesy call*) ke pejabat pegawai tinggi tentera Kristian. Seheinggakan tersebar khabar angin yang mengatakan, "*General Witono is a Catholic; Muslims are governed by Christians.*" Namun para pemimpin Muslim dari pelbagai kawasan barat dan timur Bandung tetap meneruskan siri kunjungan ke gereja seperti mengunjung pemimpin tertinggi tentera Protestan di Jakarta, iaitu Marshall Sudomo pada 9 November 1974. Kunjungan ini menarik perhatian lebih ramai pemimpin ulama dari pelbagai residensi seperti Cianjur, Bandung, Cirebon, Indramayu, Majalengka dan Kuningan. Kunjungan ini bertujuan menjelaskan jalinan hubungan harmoni antara Muslim-Kristian. Kesinambungan daripada siri kunjungan pemimpin Muslim ini ke uskop (*bishop*) Katolik, akhirnya ia menjadi satu kelaziman bagi merapatkan lagi hubungan antara kedua-dua agama ini. Misalnya, lawatan Kiyai Sjunaeadi Rodhlibillah dari Sukabumi menghadiri upacara "*the ordination of a priest*" di Jakarta dan Kiyai Dulwafi menghadiri *Father Christ Tukyat* di Cigugur. Pada tahun 1986, pertemuan antara pemimpin pesantren Kiyai Fuad Amin diadakan bersama Bishop Alexander Djajasiswaja dari Bandung ketika pembinaan sekolah baru Katolik di Cirebon (Hofsteede 2004).

Gelombang ketiga ialah lawatan balas paderi Katolik termasuk para bishop ke sekolah agama Islam bagi memenuhi jemputan para pemimpin pesantren. Kemuncak siri lawatan ini ialah lawatan Bishop Julius von Angerhausen dari Essen, Germany dan Bishop Ignatius Harsono dari Bogor ke pesantren Gunung Puyuh pada 10 Julai 1978. Lawatan ini disambut baik oleh Kiyai Haji Aden Badri Sanusi yang

menjamu selera dengan para delegasi Kristian dan turut meninjau kawasan sekitar sekolah dan situasi pembelajaran di sekolah tersebut.

Di samping itu, penganjuran dialog turut dijalankan atas inisiatif golongan intelektual Muslim di bandar yang bermatlamat menggalakkan hubungan harmoni antara agama berdasarkan nilai-nilai Islam melalui konsep hospitaliti dan Persaudaraan Muslim (*Muslim Brotherhood*). Inisiatif ini juga dibina melalui konsep *Rahmatul lil 'alamien* (God's grace atau kasih sayang Tuhan) kepada seluruh hambaNya walaupun berbeza agama. Konsep ini lebih luas dan berbeza daripada konsep *Rahmatul lil Muslimin* yang hanya dikhususkan kepada kasih sayang Tuhan kepada seluruh umat Islam. Demikian juga dengan sikap yang ditunjukkan oleh pemimpin pelbagai agama di kampung-kampung yang menyebarkan konsep *Roh Wihdatul Ummah*, iaitu kesatuan dan persaudaraan antara Muslim, Kristian dan penganut agama lain.

Inisiatif yang sama turut dijalankan oleh kerajaan Republik Indonesia melalui Kementerian Agama bagi mempromosi program dialog dan hubungan harmoni antara agama. Inisiatif ini dapat dilihat melalui sokongan padu yang diberikan dalam bentuk pembiayaan dan penajaan terhadap program dialog di bawah Kementerian Agama pada Rancangan Lima Tahun Pertama (1969-1974). Program dialog antara agama mula diadakan di beberapa bandar besar di Kepulauan Jawa. Empat daripada dialog ini diadakan di Jawa barat antara tahun 1972-1977. Dialog ini dianjurkan oleh golongan intelektual Muslim yang tinggal di kawasan bandar. Gerakan hubungan harmoni antara agama ini telah dimulakan oleh pemimpin Islam dari kawasan kampung selari dengan gelombang dialog antara agama yang diusahakan oleh para intelektual Muslim di bandar. Hasil dialog antara agama ini telah dijadikan panduan dalam memformulasikan dasar dan polisi negara (Hofsteede 2004).

Kementerian Agama telah memformulasikan tiga polisi iaitu, i) hubungan harmoni antara agama; ii) hubungan harmoni antara komuniti beragama dan iii) hubungan harmoni antara komuniti beragama dengan kerajaan. Polisi ini telah membawa kepada penubuhan Forum Perundingan Pemimpin Agama Indonesia pada 30 Jun 1980. Forum ini menyediakan landasan pertemuan antara pemimpin agama Islam, Hindu, Protestan, Buddha dan Katolik bagi membincangkan isu-isu agama dan menyebarkan mesej keharmonian di seluruh kepulauan nusantara melalui kaedah lancongan sambil belajar dan aktiviti lain.

Pancasila turut memberi sokongan padu kepada hubungan harmoni antara agama. Demikian juga dengan nilai budaya tradisi Indonesia yang menggalakkan kerjasama dan hubungan baik antara

penganut yang berbeza agama. Berdasarkan budaya Sunda di Jawa Barat, misalnya, hubungan manusia dalam masyarakat haruslah berdasarkan “*silih asih*” (sayang menyayangi), “*silih asah*” (saling menyokong bagi mencapai kebaikan), “*silih asuh*” (saling menyokong bagi mengatasi sesuatu kekurangan). Melalui cara ini, komuniti beragama membina hubungan antara mereka berdasarkan keamanan, harmoni dan ikatan kekeluargaan. Dalam hubungan sosial, mereka menunjukkan sikap saling menghargai, bersopan santun, setia dan sedia berkhidmat kepada pihak lain. Konflik dan gosip yang memburukkan orang lain dielakkan agar tidak mencetuskan ketegangan ataupun prasangka. Pihak lain tidak saling menyalahkan dan tidak bersikap egois. Boleh dikatakan budaya masyarakat setempat banyak menyumbang ke arah hubungan harmoni antara umat berbeza agama (Hofstede 2004).

Walau bagaimanapun, usaha dialog yang dijalankan melalui pertukaran lawatan antara pemimpin dan kunjungan di pusat-pusat pengajian agama serta polisi kerajaan dalam memperkukuhkan hubungan harmoni antara agama masih belum mencukupi. Ini kerana konflik agama dan keganasan yang berlaku antara Muslim-Kristian di Indonesia pada tahun 1998 dan 2001 adalah disebabkan daripada sikap prejudis dan prasangka terhadap program Kristianisasi dan Islamisasi. Prasangka ini telah mengakibatkan sikap eksklusif semakin membara sehingga timbul kebencian dan perasaan marah terhadap pihak yang berbeza agama. Arifianto (2009: 86) berpendapat:

“One possible means of reducing these fears is through the promotion of genuine inter-religious dialogues between adherents of Islam and Christianity in Indonesia. Such dialogues should take place not only between the leaders, but also among the grassroots members of the two religions, because fears and suspicions are especially high at the grassroots level and, unlike the elite leaders, they are less likely to have regular interactions with members of other religious traditions. One possibility for these dialogues is to conduct inter-faith religious services where followers of both religions are invited to attend and participate.”

Salah satu daripada khidmat program dialog antara agama yang melibatkan penyertaan golongan non-elit dari kalangan masyarakat awam adalah inisiatif yang dijalankan oleh organisasi *Interfidei*. Achmad (2008) menjelaskan organisasi ini mensasarkan golongan belia sebagai peserta dialog sebagai salah satu daripada program dialog antara agama di peringkat akar umbi. Program dialog yang dijalankan ialah kursus pendek dalam pengajian agama dan bengkel bersiri mengenai pluralisme, konflik

dan keamanan sejagat. Kedua-dua kaedah ini bertujuan untuk menggalakkan perbualan dan perbincangan secara terbuka dan penuh kejujuran serta memberi ruang dan peluang untuk saling bekerjasama dalam aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan interaksi sosial antara peserta yang berbeza agama.

Bentuk dialog yang diadakan adalah bersifat “*classroom*”, yakni setiap peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan isu resolusi konflik, gender dalam agama, cara menangani konflik etnik, membina keamanan dan mempromosi toleransi. Melalui kaedah ini rangkaian dialog dapat dibina yang disalurkan melalui perkongsian aktiviti seperti tinggal bersama dalam satu kawasan, menjamu selera dengan makanan yang sama dan menyaksikan sendiri bagaimana penganut agama lain mempraktikkan ajaran agama mereka dalam kehidupan seharian.

Proses dialog yang dijalankan dalam bentuk bengkel yang diadakan selama lima hari menonjolkan pengalaman yang begitu menarik. Pada hari pertama, sesi perkenalan antara peserta dijalankan, berkongsi masalah dan pengalaman tentang topik-topik yang dicadangkan tadi. Kumpulan ini kemudiannya dipecahkan dalam kumpulan kecil untuk membincangkan beberapa isu-isu kontroversi. Hari berikutnya adalah sesi soal jawab dengan ahli speaker yang pakar dalam bidang masing-masing dan pada sebelah petangnya pula kumpulan kecil ini berbincang tentang tajuk-tajuk yang diberi di bawah seliaan fasilitator terlatih. Hari terakhir adalah sesi lawatan ke tempat-tempat bersejarah dan pusat ibadah seperti masjid, gereja, kuil dan vihara. Lawatan ini ditawarkan hanya kepada peserta yang berminat. Sesi penutup dijalankan untuk membuat penilaian dan refleksi termasuk pertukaran mesej dan harapan antara peserta (Achmad 2008).

Sememangnya dialog dalam bentuk “*classroom*” yang mempertemukan peserta dari pelbagai agama berdepan dengan cabaran tertentu. Pengalaman *Interfidei* ketika mengendalikan bengkel ini, telah berlaku ketegangan dan prasangka antara peserta. Dalam keadaan tegang, perkara kecil tentang ‘pihak lain’ (*the other*) itu juga dilihat menimbulkan syak wasangka. *Interfidei* yang berperanan sebagai organisasi penganjur kadang kala turut menghadapi dilema. Dari perspektif kedua-dua kumpulan yang berkonflik, *Interfidei* boleh dianggap kawan kepada musuh dan kawan ini juga adalah musuh. Misalnya, Muslim kadang kala melihat *Interfidei* sebagai salah satu organisasi Kristian yang bermatlamat untuk menjalankan misi penginjilan (*mission to evangelize*). Ini kerana ramai dari kalangan pemimpin utama *Interfidei* ini adalah Kristian. Maka, *Interfidei* dilihat sebagai agensi Kristian yang bermatlamat untuk

meracuni minda Muslim terutamanya golongan belia dengan ideologi Barat demi kepentingan Kristian. Bahkan, penggunaan lilin sebagai logo *Interfidei* diragui oleh beberapa Muslim. Bagi mereka, lilin adalah lambang Kristian.

Bagi masyarakat Kristian pula melihat *Interfidei* sebagai organisasi Islam yang matlamat utamanya adalah untuk menjadikan Indonesia sebagai negara Islam. Andaian ini dibuat berdasarkan kehadiran ahli-ahli Muslim dan staf wanita yang memakai tudung. Ahli Kristian dalam organisasi *Interfidei* dilihat sama ada sebagai bukan sebenar Kristian ataupun boneka yang dipergunakan oleh Muslim untuk menjinakkan penduduk Kristian lain di Indonesia. Namun keadaan mula berubah apabila kebanyakan peserta bengkel secara perlahan-lahan mula mempelajari dan memahami sesuatu tentang 'pihak lain' yang berbeza agama apabila organisasi *Interfidei* ini sering menganjurkan bengkel dialog antara agama.

Antara bengkel yang diadakan ialah bengkel di Makasar, Sulawesi Selatan pada tahun 2001 dan di Palangkaraya, Borneo Timur tahun 2002. Kedua-dua bengkel ini disifatkan sebagai bengkel yang cukup menarik dan memberi banyak maklumat berguna. Hari pertama bengkel dimulai dengan sesi suai kenal yang telah menyaksikan dua peserta meninggalkan bengkel tersebut. Insiden ini telah mencetuskan perdebatan antara peserta Muslim dan Kristian atas kesulitan yang dihadapi oleh pihak Kristian untuk membina gereja baru di hampir seluruh bahagian di Indonesia. Dua ahli kumpulan Muslim daripada bengkel ini telah menolak hujah pihak Kristian. Mereka menyatakan, "ini adalah gerakan Kristianisasi" dengan suara lantang. Salah seorang Muslim tadi menghentak meja dan keluar, diikuti kawan seorang lagi.

Beberapa peserta Muslim lain cuba menenangkan keadaan dan akhirnya berupaya meyakinkan kedua-dua peserta tadi untuk mendengar. Pada malamnya, kedua-dua peserta Muslim tadi kembali semula untuk mengikuti sesi forum tersebut sehingga hari terakhir bengkel. Justeru, boleh dikatakan *Interfidei* tidak merasa asing dengan ketegangan, dan mula mempelajari bagaimana menghadapi cabaran dalam mengendalikan peserta bengkel dialog yang sukar mengakomodasikan diri dengan latar agama yang berbeza. Selain itu, para peserta bengkel juga diajar cara berbincang serta berkongsi ketakutan dan harapan, belajar bersama dan membina jalinan persahabatan. Dalam sesi penutup, peserta Muslim tadi menyatakan⁹ penyesalannya dan memohon maaf atas apa yang telah dilakukannya pada hari pertama. Kini peserta Muslim itu menjadi aktivis interfaith yang begitu komited dan penggiat dalam mempromosi rangkaian dialog antara agama di Makasar.

Pengalaman bengkel di Palangkaraya pula turut memaparkan kisah menarik mengenai sikap sesetengah peserta yang merasa marah apabila dinyatakan dalam jadual bahawa sesi lawatan ke gereja Katolik akan diadakan. Salah seorang peserta memprotes lawatan tersebut sambil menghentak pintu, diikuti kawannya. Namun, mereka akhirnya kembali apabila dimaklumkan bahawa lawatan itu adalah *optional* dan akhirnya turut sama menyertai rombongan lawatan. Tetapi dengan tegas mereka mengatakan bahawa mereka tidak sesekali akan memasuki gereja. Hasil daripada lawatan ini bukan sahaja memupuk hubungan persahabatan tetapi sedikit sebanyak telah mengurangkan prasangka dan sikap tidak mesra sebelum ini terhadap rakan agama lain. Achmad (2008: 116) menjelaskan, “*In many cases, it is from those informal situations that true friendships grow naturally and wipe out mutual suspicion*”.

Pengalaman persahabatan yang terjalin melalui pertemuan antara peserta bengkel yang berbeza agama memberi ruang dan peluang kepada kedua-dua pihak untuk melihat diri mereka sebenar (*self*) dan diri pihak lain (*the other*) secara berbeza. Maka hasilnya begitu ketara apabila terdapat Muslim yang tidak merasa terganggu dengan bunyi loceng gereja. Demikian juga, terdapat Kristian yang tidak gusar dengan laungan azan yang dikumandangkan hampir di kesemua pelusuk masjid di Indonesia, sebanyak lima kali sehari, termasuk pada awal subuh pagi. Hasil bengkel ini juga memberi perubahan positif kepada tanggapan peserta Kristian yang merasa bimbang dengan usaha golongan mainstream Muslim Indonesia yang berjuang membina kerajaan Islam Indonesia atas nama “jihad”.

Bahkan, keprihatinan terhadap permasalahan semasa yang dihadapi bersama dilihat sebagai peluang yang membentuk kerjasama antara umat beragama dan tidak dilihat sebagai satu konflik yang memisahkan hubungan antara mereka. Muslim mula menyedari kerumitan yang dialami oleh rakan dari agama lain iaitu, Kristian dan Hindu untuk membina rumah ibadah di kawasan penempatan majoriti Muslim. Situasi yang sama turut dihadapi oleh Muslim yang tinggal di kawasan kejiranan majoriti non-Muslim. Kedua-dua agama melihat peraturan yang bersifat diskriminasi telah mengakibatkan konflik horizontal antara kumpulan penganut agama dan situasi ini juga mudah dimanipulasi oleh pihak tertentu demi kepentingan politik.

Kursus jangka pendek tentang pembelajaran agama dan bengkel pluralisme adalah antara dua program dialog antara agama di peringkat akar umbi yang giat dijalankan oleh organisasi *Interfidei* di Indonesia. *Interfidei* meletakkan kepentingan dialog dalam bentuk praktikal dengan menyediakan perkhidmatan sokongan dalam membincangkan isu-isu

yang berkaitan dengan transformasi sosial yang dihadapi dalam dunia global masakini. Dalam ruang lingkup hubungan interpersonal, asas dialog adalah untuk memupuk jalinan persahabatan yang sejati. Achmad (2008:118) menyatakan, “*Interfaith dialogue may begin with a public forum, a course, or a teaching, but for us the real dialogue should eventually become a warm encounter among people. Our real work is to promote enlightened and respectful interfaith conversation among friends and family members.*”

Justeru, konsep dan program dialog mempunyai skop yang begitu luas kerana ia tidak hanya melibatkan program formal melalui penganjuran bengkel, forum dan seminar, malah dialog yang sebenar telah bermula melalui pertemuan, pergaulan dan perkenalan sehingga terbentuk jalinan persahabatan melangkaui sempadan agama. Melalui jalinan dialog inilah, kajian mendapati dialog seharian berupaya membentuk anggota masyarakat yang bersifat terbuka, bersedia mengakomodasikan diri dengan latar persekitaran agama dan budaya berbeza serta mampu bertoleransi demi keharmonian hidup bersama.

8. Kesimpulan

Dialog kehidupan yang dijalankan di Malaysia dan Indonesia memaparkan bentuk dan metode dialog yang pelbagai. Tidak hanya ia diadakan dalam program yang berbentuk bengkel, perkhemahan dan kursus pendek, tetapi juga dibina melalui rangkaian dialog daripada pengalaman tinggal bersama dan kunjungan berbudi dan (lancongan sambil belajar). Bahkan, jalinan hubungan persahabatan antara pihak yang berbeza agama juga dianggap sebagai salah satu rangkaian dialog yang berupaya memupuk semangat hormat menghormati antara rakan dan keluarga. Hasil kajian merumuskan konsep dialog kehidupan dapat difahami sebagai salah satu rangkaian dialog antara agama yang membincangkan isu-isu semasa, peserta yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat dan bentuk dialog yang dijalankan bersifat bilik darjah dan di luar bilik darjah. Sementara itu, kaedah dialog kehidupan tidak hanya diadakan dalam bentuk perbincangan secara bersemuka tetapi juga perbualan yang bersahaja dan spontan (dialog lisan) dan perlakuan positif yang disenangi oleh pihak lain (dialog bukan lisan). *Storytelling* ataupun penghidayatan adalah salah satu kaedah yang digunakan oleh peserta dialog sebagai saluran dialog yang menceritakan pengalaman hidup seharian bersama pihak berbeza agama seperti yang dijelaskan melalui pengalaman hidup saudara baru.

Dialog yang diadakan ini di kedua-dua negara ini adalah dialog dalam bentuk praktikal dengan mempertemukan peserta dialog dari kalangan golongan belia yang bukan pakar dalam bidang agama serta pengalaman mualaf (saudara baharu) yang hidup bersama keluarga berbeza agama. Apapun bentuk dan kaedah dialog kehidupan yang dijalankan dengan mengetengahkan golongan non- elit dalam arena dialog antara agama di peringkat akar umbi, matlamatnya adalah sama iaitu, membentuk modal insan yang berfikiran terbuka, mengurangkan sikap prasangka dan prejudis serta membentuk personaliti (keperibadian diri) yang mudah mengakomodasikan diri dengan latar persekitaran yang berbeza agama dan budaya. Usaha ini perlu digembleng bersama antara agen penggerak dialog dengan sokongan padu daripada pihak kerajaan bagi memantapkan polisi dan dasar pentadbiran negara agar budaya dialog berupaya menjana hubungan harmoni antara agama dan mekanisme perpaduan ke arah membentuk sikap positif masyarakat dalam mendepani cabaran plural.

Catatan Hujung

¹ *aman* dalam bahasa Urdu bermaksud kedamaian, sementara *shanty* dalam bahasa Hindi juga memberi maksud yang sama.

² Pengertian konsep 'pluralisme' amat luas dan mempunyai pelbagai makna. Fauzi Hamat menjelaskan secara terperinci dalam makalahnya "Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Pluralisme Agama" (2007). Pluralisme berbeza dengan plural kerana plural adalah kata sifat yang bermaksud majmuk iaitu masyarakat yang wujud dalam kemajmukan. Kemajmukan bukanlah pluralisme kerana kemajmukan adalah suatu keadaan sahaja. Sedangkan pluralisme adalah pemikiran dan sikap yang wujud berdasarkan kewujudan keadaan kemajmukan tadi. Pluralis pula adalah orang yang berpegang kepada pemikiran dan sikap itu. Pandangan Islam pluralis ini dijamin dengan ayat al-Quran yang menyatakan bahawa kejadian manusia yang berbangsa-bangsa adalah supaya saling kenal-mengenal. Konsep ini akan dijelaskan pada perbincangan selanjutnya.

Rujukan

Abu-Nimer M. 2007. The miracles of transformation through interfaith dialogue: Are you a believer? Dlm David R. Smock (Ed.), *Interfaith Dialogue and Peacebuilding* (pp. 15-32). Washington D.C: United States Institute of Peace Press.

- Achmad M. 2008. "Building a Shared Home for Everyone – Interreligious Dialogue at the Grass Roots in Indonesia. dlm. Rebecca Kratz Mays (ed), *Interfaith Dialogue at the Grassroots*. Pennsylvania: Ecumenical Press.
- Ahmad S.L. 2003. Dialog antara Agama-Agama: Pra Syarat Persefahaman Antara Agama-Agama. Dlm. Jaffary Awang, Mohd Nasir Omar dan Muda@Ismail Abdul Rahman. *Agama dan Perpaduan kaum di Malaysia*. Bangi: UKM.
- Arifianto A.R. 2009. Explaining the Cause of Muslim-Christian Conflicts in Indonesia: Tracing the Origins of *Kristenisasi* and *Islamisasi*. *Islam and Christian-Muslim Relations*. 20(1), 73-89.
- Azizan B. 2008. Peranan dialog peradaban di dalam wacana 'Tamadun Malaysia'. *Jurnal Peradaban*, 1, 25-41.
- Bengkel Dialog Antara Penganut Agama Mengenai Isu-Isu Semasa, *Berita Harian* 7 Ogos 2008.
- Berghout A. 2008. Meeting the challenges of dialogue: Need for civilisational vision and cultural transformation. dlm. Simon, W. Thomas & Azizan Baharuddin (ed). *Dialogue of Civilizations and the Construction of Peace*. KL: PDP Universiti Malaya.
- Eck D. 1986. What do we mean by Dialogue? *Current Dialogue*, 11, 5-11
- Forward, M. (2001). *Inter-Religious Dialogue: A Short Introduction*. Oxford: Oneworld Publication.
- Goddard, H. (2008). Christian-Muslim Relations: Examples of Conflict and Collaboration. Dlm Simon T.W. & Azizan B. (pnyut.), *Dialogue of Civilizations and the Construction of Peace* (pp. 173-194). Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Hensman J. M. 1999. Beyond Talk: The Dialogue of Life as the Locus of non-Verbal Interreligious Dialogue. *East Asian Pastoral Review* 36 (3), 323-337.

- Hermansen M. 2004. Muslims in the Performative Mode: A Reflection on Muslim-Christian Dialogue. *The Muslim World* 94 (3), 387-396.
- Hensman J. M. (t.t) The Dialogue of Life: The question: "How do we live our lives together?" By passing over and coming back. <http://eapi.admu.edu.ph>
- Hofsteede W.OFM. 2004. Muslim Initiatives for Harmonious Interreligious Relations in Indonesia. *Studies in Interreligious Dialogue*. 14, 123-135.
- Kuester V. 2004. Who, With Whom, About What? Exploring the Landscape of Inter-Religious Dialogue, *Exchange* 33 (1), 73-92.
- Michel T.S.J. 2000. <http://www.sjweb.info/documents/dialogo/towardspedagogy.doc>.
- Mohd Farid M.S. 2008. Dialog antara agama dan peradaban: Pespektif agama dan tamadun. *Kertas kerja Muzakarah Pendisiplinan Dialog Antara Agama dan Peradaban*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), KL.
- Muhammad Nur Manuty. 1997. Inter-Civilization Dialogue at the Community Level: The Case of Malaysian Society. *Prosiding Civisational Dialogue Present Realities; Future Possibilities*, 15-17 September di Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Patel E. Kunze, A. & Silverman N. 2008. Storytelling as a key methodology for Interfaith Youth Work. Dlm R. K. Mays (pyt.), *Interfaith Dialogue at the Grass Roots* (pp. 35-46). Pennsylvania: Ecumenical Press.
- Shahrom TM.S. 2005. Dialog Peradaban dan agama di Malaysia: Praktik dan kerelevenannya hari ini. Dlm Azizan B. (pnyut.), *Islam dan Dialog Peradaban: Satu Perspektif* (pp. 77-88). Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.

- Siddiqui A. 1997. *Christian-Muslim Dialogue in the Twentieth Century*. London: Macmillan Press.
- Swidler L. 2003. Dialogue in Malaysia and the Global Scenario. *Siri Monograf Pusat Dialog Peradaban*. No. 1. KL: Universiti Malaya.
- Ugwoji M.C. 2008. *Interreligious Relations and Solidarity: Contextualization The Vision of Francis Cardinal Arinze for Religious Education in Nigeria*. Tesis PhD. Fordham University New York (ProQuest).
- Walters A.S. 2007. Issues in Christian-Muslim relations: A Malaysia Christian perspectives. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 18(167), 67-83
- Winter M.T. 2008. Doing effective dialogue - And loving it. Dlm Mays R.K. (pnyut.), *Interfaith Dialogue at the Grass Roots* (pp. 25-34). Philadelphia: Ecumenical Press.

Sumber Temubual

Sumber: Temubual pada 26 Julai 2008 di Rumah Kebajikan Teratak Fitrah, Likas, Kadsn/P-Ppang-Resp19)

(Sumber: Temubual pada 24 Mei 2008 di rumah responden Apartment Universiti, Iban/P-Twu-Resp47)